



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA
No. Sebut Harga : PPj/SH(S)/JB/40/2024**

Tajuk Sebut Harga:

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF HENTIAN BAS BERDASARKAN REKABENTUK
SEJAGAT (FASA 1) DI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor / Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dan mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja di dalam **Gred G1: Kategori CE Pengkhususan CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)** untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut di atas.
2. Taklimat dan Lawatan Tapak sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **19 JUN 2024 (RABU), JAM 10.00 PAGI** di **Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras D5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam **SPKK, PUKONSA, UPKJ** adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil LPIPM, PPK, SPKK dan STB** berserta **Cap Syarikat**.
3. Dokumen sebut harga hanya boleh dibeli bermula **19 JUN 2024 (RABU)** hingga **24 JUN 2024 (ISNIN)** oleh wakil syarikat yang sah sahaja dengan bayaran secara tunai berjumlah **RM10.00** di **Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**.
4. Wakil syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam **SPKK** dan **satu (1) Salinan Sijil PPK, SPKK dan STB** bagi urusan pembelian dokumen.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** yang dikhaskan di tempat yang ditetapkan seperti yang tertera di para 3 sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **27 JUN 2024 (KHAMIS)**.
6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Jabatan Kewangan, Perbadanan Putrajaya di talian **03-8887 7708** atau e-mel ke alamat spp@ppj.gov.my
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(Ir. MARZUKI BIN ABDULLAH)

Naib Presiden
Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan
Perbadanan Putrajaya